



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS JASAMU DIKENANG
PUAN TPr HAJAH NORLIZA BINTI ABDULLAH
PENGARAH PERANCANG BANDAR
JABATAN PERANCANG BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT
21 OKTOBER 2022 (JUMAAT)
11.30 PAGI

RUANG KERAJIAN TINGKAT 16
MENARA BANDARAYA
BANDAR PERDA

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama hadir dalam majlis yang cukup besar maknanya, iaitu Majlis Jasamu Dikenang buat Puan TPr Hajah Norliza Binti Abdullah, Pengarah Perancang Bandar, Jabatan Perancang Bandar yang akan bersara mulai hari ini iaitu 21 Oktober 2022.

Sesungguhnya majlis yang diadakan ini adalah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan serta nukilan terima kasih daripada kami semua kepada Puan TPr Hajah Norliza Binti Abdullah di atas perkhidmatan cemerlang beliau sebagai "*Town Planner*" di MBSP.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Setelah lebih kurang 29 tahun berkecimpung dalam bidang Perancangan Bandar di MBSP, pastinya dalam tempoh masa tersebut pelbagai peristiwa pahit-manis, suka-duka dan cabaran getir yang telah

beliau tempuhi dalam melaksanakan tugas beliau. Bermula sebagai Pegawai Perancang Bandar lantikan taraf sementara di Jabatan Perancang Bandar pada 4 September 1993, beliau seterusnya dilantik sebagai Pegawai Perancang Bandar bertaraf tetap pada tahun berikutnya. Seiring dengan peredaran masa, Puan TPr Hajah Norliza terus mengorak langkah dalam kerjayanya sehinggalah dilantik sebagai Timbalan Pengarah Perancang Bandar pada 1 November 2010 dan diikuti dengan jawatan Pengarah Perancang Bandar pada 1 Julai 2017.

Beliau telah diberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak tiga (3) kali sepanjang perkhidmatan beliau, iaitu pada tahun 1998, 2004 dan 2020. Beliau juga telah dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada tahun 2001, Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) pada tahun 2012 dan Bintang Cemerlang Negeri (BCN) pada tahun 2018.

Dengan memiliki kredibiliti, pengalaman dan kepakaran dalam bidang perancangan bandar, beliau telah memastikan segala tugas dan program yang diamanahkan kepada beliau dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berkualiti serta memenuhi ekspektasi pelanggan dan rakyat. Komitmen, usaha dan sumbangan beliau wajar dijadikan panduan dan contoh kepada warga kerja MBSP. Saya berbangga kerana Puan TPr

Hajah Norliza telah berjaya menggalas amanah dan tanggungjawab ini dengan baik dan sesempurna mungkin.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Saya amat menghargai segala sumbangan dan khidmat bakti Puan TPr Hajah Norliza Binti Abdullah dalam mengurus dan mengemudi Jabatan Perancang Bandar MBSP. Beliau mempunyai hati yang cekal dalam berhadapan dengan cabaran dan rintangan. Sifat seperti inilah yang perlu disemai dan disematkan dalam diri masing-masing.

Pada kesempatan ini, saya bagi pihak MBSP merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Puan TPr, Hajah Norliza atas sumbangan dan komitmen beliau sepanjang tempoh berkhidmat di MBSP. Kami semua di sini berdoa semoga beliau dan keluarga, dipanjangkan usia, diberikan kesihatan tubuh badan dan ditambahkan ilmu pengetahuan bagi manfaat agama, bangsa dan negara.

Kepada Puan TPr Hajah Norliza, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya dalam menjalani kehidupan baru

dan dalam apa jua bidang yang diceburi. Saya doakan semoga hari-hari persaraan puan dilimpahi segala rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T. dan juga agar puan terus diberi rahmat kesihatan dan fizikal yang cergas. Jika selama ini puan telah terbiasa dengan kesibukan di pejabat, saya berharap supaya gaya hidup yang aktif itu terus dikekalkan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menghadiahkan pantun khusus untuk Puan TPr Hajah Norliza.

Berangkat sampan ke Pulau Pandan

Mencari kepah untuk hidangan

Perpisahan ini bukan sempadan

Ikatan terjalin usah diputuskan

Selamat Bersara dan Selamat Maju Jaya kepada Puan TPr Hajah Norliza Binti Abdullah.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***